

UPM tingkatkan manfaat **Kacip Fatimah**



Kacip Fatimah hasil penyelidikan Prof Hawa.

Oleh **Rosniza Mohd Taha**
yoniza@mediaprima.com.my

▸ **Serdang**

Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) membangunkan kaedah baru pengayaan karbon dioksida bagi merangsang pertumbuhan dan ciri farmaseutikal tumbuhan yang mempunyai nilai perubatan.

Pakar fisiologi persekitaran tumbuhan, Prof Madya Dr Hawa Jaafar (gambar), berkata hasil ujian penggunaan kaedah keratan daun itu terhadap penanaman Kacip Fatimah dalam ruangan tertutup membuktikan teknik baru itu berupaya membekalkan lebih dos karbon dioksida kepada tumbesaran tumbuhan herba itu.

Katanya, antara peningkatan pertumbuhan masa penuaian daripada 16 bulan kepada tujuh bulan, meningkatkan jumlah dan jisim daun serta kandungan fitokimia tinggi yang berupaya memengaruhi sel kanser.

Ladang komersial

"Teknik ini boleh menjadi cara ter-

baik penanaman Kacip Fatimah dan herba lain bagi membolehkan perladangan secara komersial dibangunkan dalam penghasilan bahan mentah untuk memenuhi keperluan perusahaan farmaseutikal.

"Bagaimanapun, herba yang hidup meliar ini terdedah kepada kepupusan akibat eksploitasi secara berluasa seperti yang terjadi kepada Tongkat Ali.

"Namun, herba ini masih boleh diselamatkan dengan penanaman domestik berskala besar.

"Banyak lagi kajian perlu dilakukan terhadap Kacip Fatimah serta herba lain termasuk Tongkat Ali, Misai Kucing, Hempedu Bumi, Pegaga, Mengkudu, Roselle, Mas Cotek, Halia dan Daun Belalai Gajah.

"Semua ini dikenal pasti sebagai 10 jenis herba paling utama untuk dibangunkan bagi tujuan komersial selaras sasaran Bidang Ekonomi Utama Negara," katanya.

Antikulat

Dr Hawa berkata, lebih banyak kajian perlu dilakukan bagi mengukuhkan penemuan bahawa



Kacip Fatimah juga mempunyai khasiat antikanser, antikulat dan antiradang selain merangsang estrogen.

Katanya, beliau kini menjalankan kajian terhadap keupayaan Kacip Fatimah untuk melindungi sel semasa

rawatan kemoterapi, atau mengurangkan kesan kemo-ketoksian ketika pesakit barah menjalani rawatan.

"Ini bukan mitos tetapi kenyataan dan diamalkan beberapa generasi di dunia Melayu sebelum ini termasuk pengambilan dua ramuan herba, iaitu majun dan jamu," katanya.

Beliau berkata, dokumentasi saintifik Kacip Fatimah yang pertama dicatatkan oleh Burkill pada 1935.

Komitmen Dr Hawa menghabiskan masa lebih lima tahun mengkaji dan menerbitkan kertas kerja berkenaan herba mendapat pengiktirafan termasuk menerusi Anugerah Fellowship Naib Canselor dan pingat perak Ekspo Teknologi Malaysia 2013.

Beliau juga memenangi pingat perak di ekspo yang sama untuk satu lagi kajiannya bertajuk "Novel Antioxidant Activities and Secondary Metabolite Enhancement of Labisia Pumila Benh Under Manipulation of Greenhouse Irradiance".

Maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi 03 8947 1804/4821 atau e-mel drhawazej@apeec@gmail.com/hawazej@upm.edu.my.

FAKTA NOMBOR

7
bulan

tingkatkan jumlah dan jisim daun serta kandungan fitokimia tinggi berupaya perangi sel kanser